



Aku & Buku

Editors:
Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai

2025



Aku & Buku



Editor:

*Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai*

Penerbit:

UiTM Cawangan Kedah

e ISBN 978-967-2948-81-0



9 789672 948810

Hak Cipta

Hak cipta@ adalah milik penulis/pemilik asal. Penyuntingan bahasa dan pembacaan pruf telah dijalankan oleh pasukan editorial dengan kebenaran penulis.

Segala pandangan, pendapat dan syor teknikal yang dikemukakan oleh penyumbang adalah tanggungjawab mereka sepenuhnya dan tidak semestinya mencerminkan pendirian editor, fakulti atau universiti.

Tiada bahagian dalam penerbitan ini yang boleh diterbitkan atau dipindahkan dalam apa jua bentuk atau cara, sama ada secara elektronik atau mekanikal, termasuk fotokopi, salinan semula atau sebarang sistem simpanan dan capaian, tanpa kebenaran bertulis daripada Rektor, UiTM Cawangan Kedah, 08400 Kedah.

eISBN: 978-967-2948-81-0

Diterbitkan oleh:

Universiti Teknologi MARA
08400 Merbok, Kedah, Malaysia

Editor:

Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai



Kandungan

Tajuk

Muka Surat

Kata Pengantar

Kata Aluan

Pendahuluan

1. Peneman Setia	1
2. Cinta Ekonometrik dan Cinta Residual	5
3. Inspirasi Dale Carnegie	8
4. Aku, Buah dan Buku	15
5. Dari Cerita Dongeng, Akhirnya Menggapai Impian	20
6. Aku di Alam Buku	24
7. Kisah Imam Syafie	27
8. Menyingkap Kegemilangan Umat Islam di Andalusia	33
9. Kisah Penaklukan Kota Konstantinople oleh Sultan Muhammad Al-Fateh	39
10. Bukuku adalah Teman Karibku	45
11. Korban Kasih	51
12. Buku, Penyelamatku	54
13. Aku, Abah dan Buku	58
14. Sebuah Buku Berwarna Coklat	62
15. TAMAR JALIS: Stephen King Malaya	65
16. Jasa Terindah	68
17. Ditandang Lagi	71
18. Anak Sulung	76
19. Inspirasi Membentuk Jatidiri	79
20. Dari Lemari Antik Moyang ke Troli e-Dagang	82
21. Menara Alam dan Kimia Manusia	86
22. Minat Membaca yang Hilang	91
23. Satu Jam Boleh Merubah Hidup	93
24. Pengembaraan Melalui Kuasa Petikan	96
25. Kāna yāmā kān	99
26. Aku, Buku dan Secangkir Kopi	102
27. Manisnya Senyumanmu	105
28. Anak-anakku & Buku	110
29. Buku Mendidik Aku	114
30. Sebuah Perjalanan Menemukan Diri	118
31. Menggenggam Bara	122
32. Diari Perjalanan Aku dan Buku	126
33. Kertas-kertas yang Harum	129
34. Pasti Ada Minatku	132
35. Aku, 'Buku Pink' dan Tesis: Kisah Kerinduan, Penantian dan Harapan	135
36. Kehidupan dalam Kata: Buku Guru Sebuah Kehidupan	140
37. Manga dan Aku	144
38. Dirimu Sentiasa Ada!	148
39. Sihat with Me	152
40. Aksaramu Inspirasiku	155
41. Kerana Sebuah Buku	159
42. Pahit Manis Pengalaman Bersama Buku	161
43. Ibrah Melalui Syukur	165
44. Kenangan Itu	168
45. Perjalanan Literasi: Dari Perpustakaan Sekolah Hingga ke Universiti	172
46. Buku "Tangan Kedua"	176
47. "달콤한 추억" di Bumi Korea	180
48. Pi Mai Pi Mai Bersua di PBAKL 2024	183
49. Baca Buku? Nerdlah Pulak!	186
50. Kekuatan di Sebalik Buku Pemberian Sahabat	190



Kata Pengantar

Projek Aku & Buku ini merupakan sebuah inisiatif murni oleh Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah yang menghimpunkan karya penulisan kreatif oleh seluruh warga Universiti Teknologi MARA (UiTM) dari pelbagai fakulti dan jabatan. Kompilasi ini adalah manifestasi semangat cinta terhadap ilmu, bahasa, dan budaya, serta usaha berterusan untuk memupuk pemikiran kritis dan ungkapan kreatif di kalangan warga universiti.

Penulisan dan penerbitan merupakan antara medium utama dalam penyebaran ilmu, dan ia memainkan peranan penting dalam pembentukan masyarakat berilmu dan berbudaya. Namun di samping kesibukan menulis artikel ilmiah berimpak tinggi, projek Aku & Buku muncul bagi menawarkan peluang warga universiti untuk menulis buah fikiran dan pengalaman peribadi dalam bentuk santai namun sampai ke hati pembaca. Himpunan karya-karya kreatif ini bukan sahaja menyemarakkan lagi arena kesusasteraan tanah air, tetapi turut memberi peluang kepada para akademik untuk menyuarakan idea, pandangan, dan imaginasi mereka dalam bentuk yang segar dan bermakna.

Sebagai institusi pengajian tinggi yang sentiasa mendokong nilai keilmuan dan pengembangan minat dalam apa jua bentuk penulisan, UiTM berbangga dapat menyokong dan merealisasikan penerbitan buku ini. Semoga karya-karya yang terkandung dalam kompilasi ini menjadi sumber inspirasi dan rujukan berharga kepada pembaca dari pelbagai lapisan masyarakat.

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada semua penulis yang telah menyumbangkan karya serta pihak yang terlibat dalam menjayakan penerbitan ini.

Selamat membaca.

Ketua Editor,
Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai





Kata Aluan



Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Ilahi kerana dengan izin-Nya, Projek Aku & Buku berjaya diterbitkan. Kompilasi ini merupakan manifestasi minat yang tinggi terhadap bahasa dan penulisan kreatif, yang lahir daripada ilham serta komitmen seluruh warga Universiti Teknologi MARA (UiTM).

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada semua penulis yang telah menyumbangkan karya, serta warga kerja yang terlibat dalam menjayakan projek ini. Usaha ini membuktikan bahawa institusi pengajian tinggi bukan sahaja menjadi medan penyebaran ilmu, malah turut menyemarakkan elemen budaya dan kreativiti dalam penulisan.

Unit Penerbitan

Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai
Siti Mukhlisa Mohamad Khairul Adilah
Nurfarisya Hafiz
Berlian Nur Morat
Nor Asni Syahriza Abu Hassan
Syakirah Mohammed
Hajjah Sharina Saad
Mas Aida Abd Rahim
Syazliyati Ibrahim
Abdul Majeed Ahmad

Penyunting

Berlian Nur Morat

Pereka Layout & Grafik

Asrol Hasan

Semoga buku ini menjadi inspirasi kepada para pembaca dan terus menggalakkan penghasilan karya kreatif yang berkualiti pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.



Pendahuluan

Penulisan kreatif merupakan medium penting dalam menyampaikan nilai, emosi dan pemikiran masyarakat. Ia bukan sekadar hiburan, malah berperanan dalam mencorak budaya intelektual dan memperkaya khazanah ilmu. Projek Aku & Buku ini merupakan sebuah himpunan karya penulisan kreatif yang lahir daripada ilham dan bakat warga akademik, khususnya dari Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah, serta sumbangan penulis dari fakulti dan institusi lain.

Kompilasi ini menampilkan pelbagai genre dan gaya penulisan yang mencerminkan kepelbagaian latar belakang dan pengalaman para penulisnya. Usaha ini sejajar dengan aspirasi UiTM dalam menggalakkan budaya penulisan, penyelidikan, dan penerbitan sebagai tunjang penyebaran ilmu yang berterusan kepada masyarakat.

Menerbitkan karya kreatif dalam bentuk buku bukan sahaja membuka ruang kepada ekspresi diri, tetapi juga memperkukuh peranan institusi pengajian tinggi dalam memperkaya wacana sastera tempatan. Semoga buku ini dapat menjadi pencetus inspirasi, pemangkin idea, serta wadah untuk menyemai minat terhadap dunia penulisan dan pembacaan.



Buku “Tangan Kedua”

Fathiyah binti Ahmad @ Ahmad Jali
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah

Daku pasti ramai di luar sana yang juga ulat buku ataupun peminat buku tegar yang mempunyai pelbagai pengalaman tersendiri. Ini pula sekadar catatan dan pengalamanku selama bergelumbang di dalam dunia buku. Kadang-kadang tenggelam di dalam beban kerja yang banyak, maka terlupa sekejap dengan keasyikan membaca buku namun dengan tibanya kecelakaan Covid-19 di awal tahun 2020 merubah segala suasana dan kembali memanggil daku untuk menjengah dunia yang amat mengujakan ini. Daku sangat menyukai aktiviti pembacaan ini kerana keseronokan mengetahui banyak hal yang sebelum ini tidak aku ketahui. Selain itu, melalui pembacaan buku, dapat kufahami budaya masyarakat lain dan juga perasaan insan lain secara mendalam. Buku di dalam banyak hal adalah refleksi realiti hidup kita.

Pengalaman yang aku ingin kongsi adalah kegilaanku terhadap buku-buku terpakai atau “used books”, juga sekarang lebih dikenali sebagai “preloved books”. Daku memang minatnya ke arah fiksi atau buku cerita. Luar biasa sebuah buku kerana mampu mengikat jiwa dan raga seseorang sehingga terbawa-bawa ke alam lain. Alam ciptaan yang masih bertongkatkan realiti atau kadang-kadang dibawa ke alam lebih misteri dan mungkin juga alam fiksi yang berpaksikan sains dan rekaan dunia baru.

Walaupun daku merupakan seorang tenaga pengajar untuk Bahasa Inggeris namun daku tidak pernah melupakan bahasa ibundaku. Sekiranya bahasa Inggeris itu “straightforward” atau berterus-terang lagaknya, lain pula dengan Bahasa Melayu. Bahasa Melayu mempunyai lenggok bahasa yang amat berbeza. Bahasanya puitis, dan daku sedar bahawa apabila bicara perlu diatur di dalam bahasa ibundaku ini, aku perlu memikirkan perasaan pendengar terlebih dahulu tetapi dalam masa yg sama, mesej dapat difahami dengan jelas boleh pendengar. Lagaknya seperti seorang politikus yang cuba menambat hati pengundi-pengundinya tetapi tidak dilupakan pengaruh sebenarnya yang dicari. Begitulah juga bezanya sebuah karya berbahasa Inggeris daripada karya berbahasa Melayu. Karya berbahasa Melayu itu selalunya lebih puitis dan melibatkan jiwa yang mendalam. Jengahlah kembali “Salina” oleh A. Samad Said dan juga “Hari-Hari Terakhir Seorang Seniman”, hasil karya Dr Anwar Ridhwan, lalu akan pembaca fahami apa yang daku cuba sampaikan.

Elok kiranya kita beralih kembali kepada cerita buku “tangan kedua” atau “second hand” Sengaja aku menggunakan bahasa yang begitu literal kerana “tangan kedua” terdengar sedikit misteri. Barangkali hanya di gegendang telingaku kiranya. Biar daku ceritakan bagaimana permulaan sebuah percintaan terhadap buku-buku “tangan kedua” ini bermula. Kukira perlu untuk sahabat-sahabat mengetahui sedikit sebanyak latar belakangku yang menyebabkan daku terjebak dengan buku-buku “tangan kedua”.

Aku dilahirkan di sebuah pulau di utara tanah air. Kawasannya agak terpencil suatu ketika dahulu. Semasa di sekolah rendah, daku cuma membaca buku-buku bahasa Inggeris di perpustakaan sekolah sahaja. Antara buku yang masih diingati ditelah di situ adalah Black Beauty. Kebetulan semasa itu, terdapat sebuah siri Inggeris di TV2 yang menceritakan persahabatan seorang joki dengan kudanya, merancakkan lagi minat tentang buku tersebut.

Selain itu, masih daku ingat bagaimana pernah sekali ketika usiaku mungkin sembilan atau sepuluh tahun, Dewan Bahasa & Pustaka (DBP) datang mengadakan pameran buku di pekan berhampiran dan aku memborong buku dengan gembiranya kerana polisi ibuku, “Biar duit dihabiskan pada buku, tidak pada barang permainan”.

Apabila menginjak ke sekolah menengah, lain pula ceritanya. Untuk persekolahan menengah, daku dihantar ke sekolah agama. Mungkin juga kurang sedikit bahan bacaan berbahasa Inggeris di sekolah ataupun daku memang kurang mengunjungi perpustakaan semasa di sekolah menengah kerana aku lupa di mana perpustakaan semasa aku pernah menekuni ilmu di sebuah sekolah agama di Kodiang seketika lama dulu. Namun setelah daku pulang menyambung Tingkatan 4 & 5 di kampungku, aku merupakan pengawas perpustakaan tetapi tugasku menyebabkan aku kurang masa untuk menelaah buku kerana lebih tertumpu kepada menguruskan perpustakaan. Oleh kerana sekarang daku sudah pulang ke rumah, ibuku mangsa mengeluarkan duit untuk membelikan surat khabar Bahasa Inggeris iaitu New Straits Times dan jarang-jarang, The Star. NST menjadi kegemaranku kerana daku menyukai komiknya yang aku dikuti. Blondie dan Calvin & Hobbes adalah antara “*comic strips*” yang aku ikuti. Selebihnya buku teks sahaja yang dibuka dan ditelaah kerana terdapat dua peperiksaan besar yang aku hadapi dalam masa dua tahun itu. Sijil Menengah Rendah Agama (SMRA) perlu daku duduki semasa Tingkatan 4 dan Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM) semasa Tingkatan 5.

Apabila daku memulai pengajian di universiti, bermulalah sejarah kegilaanku terhadap “buku tangan kedua”. Dengan berbekalkan lebih duit elaun Kementerian Pendidikan Malaysia atau lebih elaun daripada ibunda yang disimpan rapi, dapatlah aku membeli buku-buku terpakai di Payless Bookshop ketika itu. Payless Bookshop yang daku selalu kunjungi terletak di stesen LRT Ampang atau kemudiannya di Amcorp Mall. Selain itu, sekiranya daku berkunjung ke Amcorp Mall, tidak kulepaskan peluang untuk memasuki dua buah lagi kedai buku iaitu Book Excess dan satu kedai buku terpakai yang sudah kulupa nama kedainya. Seseekali daku mengunjungi sebuah kedai buku terpakai di Seksyen 14, Petaling Jaya yang amat berdekatan dengan pusat matrikulasi daku dahulu. Semasa itu, daku sangat terhibur dengan Reader’s Digest Condensed Books kerana dengan sebuah sahaja, daku dapat membaca sekurang-kurangnya empat buah novel yang telah dipendekkan untuk pembaca rakus seperti daku. Namun daku bukan lagi daku yang dulu, sekarang daku lebih selesa membaca sesebuah karya secara total supaya tidak tertinggal sebarang nuansa seseorang penulis.

Namun begitu kegilaanku terhadap buku terpakai tidak pernah terkubur malah semenjak daku sudah memiliki pekerjaan dan gaji sendiri. Tidak kurang juga dihabiskan untuk membeli buku-buku terpakai dan juga buku-buku baru. Apabila Big Bad Wolf mula daku kenali sekitar tahun 2010 atau 2011, daku akan mempersiapkan sekitar RM100-300 untuk dibelanjakan ketika mengunjungi Big Bad Wolf. Acara jualan buku ini seumpama pesta buat diriku. Daku sanggup menjelajah sehingga ke Kuala Lumpur beberapa tahun lepas semata-mata untuk mengunjungi jualan buku ini. Untung juga kerana terdapat seorang sahabat yang sedang menghabiskan pengajian PhDnya di UPM semasa itu, maka beliaulah tempat aku menumpang tinggal dan beliaulah juga pemandu jalanku ke Big Bad Wolf yang semasa itu diadakan di Mines International Exhibition & Convention Centre atau singkatannya MIECC. Syukur kerana selepas itu BBW telah dibawa ke negeri-negeri sebelah utara bermula dengan Pulau Pinang dan kemudian ke Alor Setar, Kedah dan akhirnya ke Sungai Petani di mana aku menetap sekarang. Pernah daku habiskan tiga jam mencari buku-buku semasa mengunjungi BBW di Lotus’ Sungai Petani Selatan. Tiga jam dirasakan agak terlalu pendek memandangkan amat banyak buku untuk pembaca dewasa tersedia disusun dan sentiasa ditambah dari masa ke masa tetapi BBW yang terkini di Sungai Petani membawakan banyak buku-buku untuk kanak-kanak. Kuranglah sedikit keterujaanku. Namun dalam kembaraku ke bumi Korea Selatan di awal musim bunga yang lalu (awal Mac 2024), daku berjaya menjejaki sebuah kedai buku terpakai iaitu Seoul Book Repository, yang terletak di Songpa-gu, Seoul. Cara paling mudah untuk sampai kedai buku ini adalah dengan menggunakan sistem subway di sana dan memilih stesen Jamsillaru sebagai

stesen terakhir. Walaupun koleksi buku Bahasa Inggerisnya tidaklah banyak namun tempat tersebut agak sesuai untuk menambah koleksi foto di Instagram. Namun tidaklah daku meninggalkan kedai tersebut dengan tangan kosong.

Antara buku-buku yang kurasakan sebagai permata-permata yang kutemui sepanjang perjalanan daku bersama buku “tangan kedua” terutamanya di jualan buku Big Bad Wolf adalah seperti berikut;


1. Olive Kitteridge oleh Elizabeth Strout (Buku ini pernah kubeli sebagai buku baru tetapi tidak dapat dapat diselamatkan semasa serangan anai-anai di rumah sewa dahulu).
2. Adeline oleh Norah Vincent (Buku ini merupakan pengkisahan semula hidup seorang novelis terkenal iaitu Virginia Woolf)
3. Kitchens of the Great Midwest oleh J.Ryan Stradal (Buku fiksi menarik tentang “underdogs”)
4. The Light of Paris oleh Eleanor Brown (Novel Inggeris bergenre romantis yang daku gemari. Kisah ini dikisahkan sempena satu figura yang memang pernah wujud)
5. How to Read a Novelist oleh John Freeman (Buku yang sangat aku cadangkan buat peminat-peminat novel berbahasa Inggeris kerana buku ini mendiskusikan sejarah hidup penulis-penulis terkenal)
6. In An Antique Land oleh Amitav Ghosh. (Kukira perkenalan pertamaku dengan penulisan Amitav Ghosh)
7. A Damsel in Distress oleh PG Wodehouse. (Buku yang juga perkenalan pertamaku dengan PG Wodehouse yang ternyata amat bernas dalam membuat jenaka)
8. Rosemary and Bitter Oranges oleh Patrizia Chen. (Walaupun Patrizia Chen bukanlah satu nama besar, namun buku berbentuk biografi ini amat menarik bagi diriku)
9. Turn Right at Macchu Picchu oleh Mark Adams. (Sebuah buku yang menceritakan pengalaman penulis meneroka Macchu Picchu. Buku yang amat mengujakan buatku)

Namun akhir-akhir ini daku terjebak pulak dengan pembelian buku secara maya melalui platform seperti Shopee dan juga Instagram. Malah hampir setiap bulan ada sahaja bungkusan berisi buku-buku yang tiba di hadapan rumah daku. Daku kira faktor harga buku terpakai adalah merupakan antara sebab utama daku terjebak dengan buku-buku terpakai. Pada harga yang dikira separuh atau kadang-kadang terlalu murah sudah kudapatkan sebuah novel bahasa Inggeris. Daku pernah membeli sebuah buku terpakai berharga RM3. Bukan calang-calang tajuk, buku tersebut adalah “To Kill A Mockingbird” oleh Harper Lee. Padaku tidak penting akan rupanya, isi bukunya yang lebih penting. Namun, sahabat-sahabat tentu tertanya bagaimana pulak dengan buku berbahasa Melayu. Adakah daku hanya membaca buku berbahasa Inggeris? Sudah tentu tidak. Oleh kerana tajukku ini berkenaan buku-buku terpakai, maka banyak buku dan novel Inggeris yang disebutkan di sini manakala buku-buku berbahasa Melayu semuanya dibeli sebagai buku baru atau naskhah pertama.

Kiranya ini adalah perenggan terakhirku sebelum daku menyelesaikan bab ini. Membaca merupakan satu hobi atau kegemaran yang sangat menarik buat diriku. Sekali-sekala tenggelam di satu masa yang mungkin tidak pernah kualami secara realiti, seumpama menjadi James Bond ataupun Indiana Jones mahupun Harry Potter, memberikan satu perasaan tidak tergambar. Tambahan pula sekali sekali dapat menjumpai penulisan yang mampu menerobos ke pelosok hati yang paling dalam, membuatkan daku berfikir betapa luasnya dunia dan uniknya manusia yang diberi kelebihan oleh Tuhan untuk mampu berkongsi rasa bersama pembaca. Sebagaimana seorang ulama di zaman Khalifah Harun Ar Rasyid pernah menyatakan perihal tentang buku sebagai “Penawan hati untuk melenyapkan duka nestapa dan amat menolongku. Mereka jelaskan kepada kita peristiwa yang telah berlalu, mereka cerdasakan akal kita, haluskan pekerti kita dan meninggikan pendapat dan buah fikiran kita” (Shaharom & Suriati,2004). Garapan ini lengkap mengungkapkan rasaku terhadap buku-buku, magis yang muncul di sebalik tulisan. Terima kasih buat semua penulis di luar sana! Sedikit perkongsian akhir, penulis yang menulis di dalam bahasa Melayu yang daku amat minati adalah Dr Anwar Ridhwan, Sasterawan Negara ke 10. Cubalah cari dan baca “Hari-Hari Terakhir Seorang Seniman” ataupun “Naratif Ogonshoto”. Tetapi penulisan Dr Anwar lebih berbentuk berat dan kadang-kadang seolah sebuah parodi tetapi tak salah mencuba genre barukan? Selamat membaca semua!




Bukti kegigihan penulis mencari buku-buku berbahasa Inggeris di Seoul Book Repository



Aku & Buku

2025



e ISBN 978-967-2948-81-0



9 789672 948810

